

**Kunjungan Gabenor Jeneral Kanada Bermakna Buat Pulau Pinang
Bernama
15 November , 2011**

GEORGE TOWN, 15 Nov (Bernama) -- Yang Dipertua Negeri Tun Abdul Rahman Abbas berkata kunjungan Gabenor Jeneral Kanada, David Llyod Johnston amat bermakna dalam mengukuhkan hubungan dalam bidang seperti pendidikan, inovasi, perdagangan dan pelaburan antara Pulau Pinang dengan Kanada.

Beliau berharap dua rantau berkenaan boleh bekerjasama untuk mengenal pasti bidang baru untuk kolaborasi dan kerjasama.

"Kami mahu melihat perkongsian yang berhasil berdasarkan saling hormat-menghormati dan kepercayaan dalam memenuhi aspirasi rakyat," katanya pada majlis makan malam bagi meraikan Johnston.

Yang turut hadir ialah Ketua Menteri Lim Guan Eng, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin selaku Menteri Pengiring dan Setiausaha Parlimen kepada Menteri Luar Kanada, Deepak Obhrai.

Abdul Rahman berkata Pulau Pinang dikenali sebagai hab pendidikan yang menarik pelajar asing dan negara jiran kerana memiliki kualiti pendidikan yang tinggi dan yuran tuisyen yang berpatutan.

"Hab ini akan diperluaskan lagi dengan kerajaan negeri mengenal pasti kawasan seluas 80 hektar di daerah Barat Daya untuk institusi pengajian tinggi asing membina kampus mereka," katanya.

Johnston pula berkata lawatannya ke Malaysia telah mempamerkan hubungan yang meningkat dan berharap untuk melihat sendiri kejayaan sektor perindustrian di Pulau Pinang.

Beliau berkata Kanada memainkan peranan penting di Pulau Pinang dan memahami tarikan populasi yang berpengetahuan, sistem pendidikan kelas pertama dan infrastruktur moden untuk membentuk kejayaan inovasi.

"Semasa menjadi Gabenor Jeneral Kanada, saya telah melihat ramai masyarakat yang menggunakan pemikiran inovatif untuk menggiatkan mereka," katanya.

Johnston juga berkata lawatannya ke Universiti Sains Malaysia (USM) esok akan membolehkannya bercakap secara langsung kepada pelajar dan berharap dialog tersebut akan menggalakkan lebih ramai pelajar untuk memenuhi impian mereka dan menunjukkan kepada mereka nilai pendidikan dan kerjasama antarabangsa.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=627198>

